

07/05/1998

Panel khas rasmi KLIA ditubuh

Ahmad Burak; Ebi Azly Abdullah; Ahmad Nazri Mohamad
KUALA LUMPUR, Rabu - Satu jawatankuasa khas di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) ditubuhkan bagi mengendalikan upacara perasmian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang dijadualkan bulan depan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata jawatankuasa khas itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan disertai oleh beliau, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan KLIA Berhad.

Ia ditubuhkan pada mesyuarat Kabinet minggu lalu, akan mengatur majlis perasmian KLIA. Perasmian lapangan terbang itu akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, manakala Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan ucapan.

"Kami juga akan menjemput semua agensi dan badan yang berkaitan dengan KLIA menghadiri majlis itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet, hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak memberitahu tarikh sebenar upacara perasmian KLIA yang dijadualkan bulan depan.

Sementara itu di KLIA, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata pihaknya berpuas hati dengan jadual penerbangan haji kali ini.

"Kalau boleh perkhidmatan khas perlu diberi sepanjang masa untuk jemaah haji dan saya berharap Transmile Air membantu untuk tahun akan datang," katanya.

Mengenai `keciciran' kira-kira 100 bagasi jemaah haji, beliau berkata, kesilapan itu bukan disengajakan dan ia bukan berpunca kecuaiian pengurusan KLIA.

"Sebenarnya, pihak berkuasa Lapangan Terbang Jeddah membuat dua tag bagasi, iaitu satu ke Kuala Lumpur dan satu lagi ke Kota Bharu kerana kesilapan pentadbiran.

"Biasanya penerbangan biasa hanya menggunakan satu tag bagasi bagi setiap penumpang, tetapi kesilapan di Jeddah menyebabkan berlakunya kekeliruan. Ada penumpang haji (pada tag bagasi) perjalanannya berakhir di Kuala Lumpur, tetapi bila sampai di sini, dia kata hendak ke Kota Bharu," katanya.

Keciciran kira-kira 100 bagasi itu disedari sejurus selepas semua penumpang keluar dari tempat pemeriksaan imigresen lapangan terbang itu.

Dr Abdul Hamid berkata, semua penerbangan haji akan dikendalikan di KLIA untuk musim akan datang serta seterusnya dan bukan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Pengarah Urusan Malaysia Airport Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim, berkata `keciciran' bagasi bukan berpunca kesilapan sistem pengendalian bagasi KLIA tetapi masalah pentadbiran pihak berkuasa Lapangan Terbang Jeddah.

Beliau berpendapat memandangkan KLIA akan memulakan penerbangan komersil pada bulan depan, adalah lebih sesuai pengendalian haji dilaksanakan di KLIA.

"Daripada apa yang saya lihat semuanya berjalan lancar dan sekali gus membuka laluan kepada pembukaan rasmi KLIA menjelang akhir bulan depan," katanya.

Eksekutif Komunikasi Korporat Transmile Air, Rosliza Alias, berkata kekeliruan itu berlaku kerana ada saudara mara jemaah haji yang datang ke KLIA walaupun penumpang terbabit sepatutnya dijemput di Kota Bharu.

Ini menyebabkan kekecohan berlaku kerana bagasi tiba di Kota Bharu,

manakakala penumpang ada di KLIA.

Sementara itu, penerbangan kedua membawa jemaah haji tiba pada jam 2.25 petang dengan 121 penumpang keluar di KLIA, manakala bakinya diterbangkan ke Kota Bharu.

(END)